

Letter 2012 / Surat 2012

Untuk kali pertamanya, salah satu daripada perjumpaan kami di Eropah telah di adakan di bandar yang bernama Berlin. Berlin merupakan bandar yang mempunyai kepelbagaian dari segi ciri-cirinya, bandar yang telah bertukar menjadi bandar masa hadapan tetapi ia juga merupakan bandar yang dalam proses percubaan untuk menggabungkan kejadian pahit masa lalu dan merupakan bandar yang mana populasi yang tidak mudah putus asa walaupun dalam menghadapi waktu yang sukar.

Menjadi golongan yang minoriti, umat kristian di sana berjuang untuk hidup dengan tidak terkeluar daripada ajaran alkitab. Kepunyaan mereka hanyalah atas kelainan nama yang mereka punyai tetapi dari segi kesaksian umum dan penglibatan dalam ecumenical adalah bukan pilihan tetapi telah menjadi satu keperluan yang terpenting sekali. Kebanyakan paroki di sini menjadi tempat untuk manusia bersatu-padu antara satu sama lain tanpa mengira kekayaan yang dimiliki.

Lawatan pertama bagi para brother Taize ini ke Berlin ialah pada tahun 1955. Semasa tembok besar dibina pada tahun 1961. Hal ini telah menyebabkan bandar Berlin ini terpisah kepada dua bandar. Pemisahan ini juga telah menyebabkab para brother Taize ini terpaksa mengalihkan lawatan mereka Berlin Timur pada masa itu. Terdapat banyak kumpulan doa yang telah ditubuhkan sekitar tahun 1980-an. Brother Roger telah datang ke Berlin pada tahun 1986 untuk terlibat dalam “penziarahan percaya”. Adalah satu daripada kemestian untuk meminta kebenaran daripada pihak berkuasa komunis untuk mengadakan upacara keagamaan yang di adakan di dua buah gereja besar yang ada di negara tersebut iaitu gereja Katolik dan Protestant. Upacara keagamaan ini telah menarik minat seramai 6000 belia dari Jerman Timur sahaja kerana persetujuan telah dibuat supaya belia yang berasal dari Jerman Barat tidak dibenarkan mengikuti upacara keagamaan pada masa itu. Tetapi pada hari ini perkara tersebut tidak lagi di Berlin. Berlin dahulu tidak sama dengan Berlin sekarang kerana tembok besar telah dirobohkan dan ia menjadi satu simbol untuk seluruh dunia untuk membentuk satu kepercayaan antara satu sama lain.

TOWARDS A NEW SOLIDARITY / MENUJU KE SATU PERPADUAN YANG BARU

Bagi membentuk satu sifat perpaduan yang baru ianya harus dibentuk daripada peringkat akar umbinya lagi iaitu dari – dalam keluarga, komuniti, bandar, kampung, antara negara dan benua – perbincangan.¹

Kesedaran kepada risiko dan bahaya terhadap apa yang akan berlaku kepada manusia dan dunia, jadi kita tidak mahu untuk memberikan ketakutan dan pengunduran.²

Dan masih manusia yang baik akan mengharapkan berterusan dan tidak terancam dengan kekecewaan.

¹ Meskipun perpaduan dalam kalangan manusia menjadi satu kemestian ianya perlu dibaharui dan dipermudahkan supaya dapat ditunjukkan dalam cara yang baru. Sekarang mungkin ianya tidak seperti zaman sebelum sejarah, generasi yang baru harus sentiasa memupuk sifat perkongsian kepada apa sahaja sumber yang ada di dunia, keadilan dalam pengagihan harta, antara benua dan setiap negara.

² Satu pendorong kepada satu perpaduan yang baru adalah mustahil. Ianya telah disuburi oleh pendirian kita kepada sejarah dunia yang tidak menentu. Ada baiknya kita mengimbas kembali beberapa contoh yang telah berlaku dalam dunia, iaitu selepas Perang Dunia Kedua, terdapat dalam kalangan ketua politik, mengharap agar dapat menentang semua harapan, percaya kepada pengampunan, dan mulai membentuk Eropah kepada perpaduan; dalam tahun 1986 revolusi keamanan telah berlaku untuk mencapai perubahan yang besar untuk Filipina; pergerakan Polish yang popular iaitu Solidarnosc bersedia, dengan tidak melakukan keganasan, perjalanan menuju kebebasan untuk sesetengah negara Eropah; Pemusnahan tembok Berlin pada tahun 1989 tidak pernah dibayangkan; pada masa yang sama, negara Amerika Latin menetap untuk keluar kepada demokrasi, dan bermula kepada ekonomi pembangunan, daripada itu ia akan memberi harapan kepada yang miskin boleh mendapat faedah tanpa penangguhan; pemansuhan dasar apartheid di Afrika Selatan dan Nelson Mandela’s membentangkan tangan kepada pengampunan kepada semua harapan; baru-baru ini, kita telah menyaksikan penghujung kepada keganasan politik di utara Ireland dan di negara Basque.

Ekonomi yang tidak menentu meningkatkan beban, kadang-kala ia akan memberikan kerumitan kepada masyarakat, dan ketidakberdayaan dalam menghadapi bencana alam semua cenderung lemas kepada harapan yang baru.³

Untuk mewujudkan bentuk perpaduan yang baru, bolehkah masa datang untuk melakukan usaha yang hebat bagi menutupi setiap kepercayaan?

Tiada manusia atau tiada masyarakat dapat hidup tanpa kepercayaan.

Apabila kepercayaan telah dikhianati, luka yang tinggalkan adalah sangat mendalam.

Kepercayaan adalah tidak buta; ianya tidak mudah diungkapkan dengan percakapan. Ianya adalah hasil daripada pilihan yang dibuat iaitu daripada usaha yang mendalam. Setiap hari kita dipanggil untuk mengistiharakan lebih daripada takut kepada kepercayaan.

TRUST AMONG HUMAN BEINGS / KEPERCAYAAN SESAMA MANUSIA

Permulaan jalan kepada kepercayaan adalah respon daripada keperluan yang segera: walaupun komunikasi menjadi semakin mudah pada masa kini, kita sebagai manusia yang tinggal dalam masyarakat masih lagi dalam keadaan menyendiri dan berpecah.

Dinding hanya tidak wujud antara manusia dan benua, tetapi juga ianya dekat kepada kita, dan juga ada dalam hati setiap manusia. Pemikiran yang prejudis kepada negara yang lain. Pikir sahaja kepada para imigran, begitu dekat dan masih lagi begitu jauh. Agama masih lagi jahil bagi setiap orang, dan Kristian sendiri terbahagi kepada mazhab-mazhab.

Dunia aman bermula dalam hati kita sendiri.

Untuk memulakan perpaduan, kita perlu untuk pergi kepada orang lain, kadang-kala dengan tangan yang kosong, mendengar, cuba untuk memahami antara lelaki dan wanita yang tidak sama pemikiran dengan kita...dan yang sudah menemui jalan buntu boleh diubahkan.

Mari kita cuba dan menjadi waspa kepada yang lemah, kepada mereka yang tidak mempunyai kerja...Perhatian kita haruslah kepada yang miskin dengan terlibat dalam apa-apa aktiviti sosial yang dilakukan. Masih kepada tahap yang dalam, ianya adalah sikap yang terbuka kepada semua: kepada yang rapat dengan kita juga, dalam perasaan, orang miskin yang memerlukan kita.⁴

Dalam keadaan yang miskin dan ketidakadilan, sesetengah akan berakhir dengan revolusi dan akan melakukan keganasan. Keganasan bukan merupakan cara untuk mengubah masyarakat.⁵ Tetapi kita harus mendengar segala luahan golongan muda ini.⁶

³ Perubahan besar yang berlaku pada ekonomi dunia telah kepada persoalan kepada kita. Keseimbangan kuasa dalam geopolitik telah membawa kepada perubahan. Ketidakadilan semakin berkembang. Keselamatan pada masa yang lepas telah menunjukkan bahawa ianya tidak lagi dipegang pada masa kini. Adakah ini penyebabnya untuk kita merenung lebih daripada satu pilihan dalam hidup kita?

⁴ Kemiskinan tidak hanya merujuk kepada kebendaan sahaja. Ia juga merangkumi kepada kekurangan sahabat, tidak berupaya untuk mencari makna dalam kehidupan, tidak mempunyai peluang untuk menjadi kaya seperti kemiskinan, muzik, seni- semua yang membuka peluang kita kepada keindahan ciptaan Tuhan.

⁵ Dalam tahun 1989 di Jerman Timur, pada tengah malam pemusnahan tembok Berlin, penganjur kepada demonstrasi ini meminta orang ramai untuk membawa lilin yang telah dinyalakan. Satu tangan diperlukan untuk memegang lilin, tangan yang sebelah lagi melindungi lilin yang bernyala daripada angin dan keganasan tidak berlaku kerana tiada tangan yang kosong untuk melakukan keganasan.

⁶ Golongan muda Sepanyol yang terlibat dalam pergerakan indignados di Madrid menulis kepada saya: "Apa-apa sahaja boleh berlaku jika situasi tidak menjadi baik. Kebanyakan orang tidak bekerja, mereka kehilangan rumah dan hak asasi mereka. Terdapat

Pencetus kepada perpaduan yang baru ini adalah berpunca daripada pendirian kita sendiri: keperluan untuk berkongsi adalah satu daripadanya.⁷ Hal ini akan membolehkan setiap orang yang berlainan agama dan juga kepada mereka yang tiada agama hidup dalam perpaduan.

TRUSTING IN GOD / MEMPERCAYAI TUHAN

Perpaduan sesama manusia boleh dijadikan asas panduan dalam kita mengetahui kewujudan Tuhan, namun kepercayaan terhadap Tuhan sering dipersoalkan. Ramai di kalangan orang yang mempercayai Tuhan sering mengalami pengalaman pahit di mana-mana seperti di tempat kerja, di sekolah mahupun di dalam keluarga. Ramai juga tidak menyedari yang Tuhan mengasihi diri mereka secara peribadi dan ramai juga yang masih lagi mempersoalkan keimanan mereka sendiri. Keimanan pada masa kini dilihat sebagai risiko untuk mempercayai apa yang dipercayakan. Keimanan sering disalahertikan sebagai pengetahuan kita tentang kebenaran yang mutlak, yang sebenarnya adalah perhubungan di antara kita dengan pencipta kita iaitu Tuhan Allah.⁸ Keimanan memerlukan kita untuk berpaling kepada cahaya yang terang dari Tuhan sendiri.

Bukan dengan cara mengongkong diri kita tetapi keimanan itu sendiri memerdekakan diri kita,⁹ membebaskan kita dari rasa takut iaitu membuatkan kita membantu orang disekeliling kita yang Tuhan telah kurniakan kepada kita.¹⁰

Semakin mendalam kepercayaan kita kepada Tuhan, semakin terbukalah hati kita untuk menerima semua orang tidak mengira bangsa ataupun agama. Kita menjadi lebih terbuka dalam menerima perkembangan dalam ilmu sains dan teknologi yang mampu membantu dalam menyelesaikan masalah-masalah di bumi ini.

Seumpama matahari yang tidak dapat dilihat terus, begitu juga kita melihat Tuhan. Tetapi melalui Yesus Kristus kita dapat melihat dari sinaran itu tadi. Segala yang termaktub dalam al-kitab akan membimbing kita keimanan ini. Iaitu cara Tuhan bercakap kepada kita manusia dalam bahasa dan gaya yang kita ketahui.

Apa kelebihan tentang iman kita sebagai umat Kristian? Yesus dan perhubungan kita dengan Yesus itu sendiri. Dan kita tidak akan selesai untuk memahami sedalam-dalamnya perkara ini.

banyak salah faham dan kemarahan disebabkan oleh ketidakadilan daripada undang-undang, ekonomi dan sistem sosial, demokrasi yang palsu yakni tidak menjamin hak penduduk, tertulis dalam perlembagaan, kepada hak mendapat rumah dan kepada fizikal serta integriti mental....Kamu bertanya apa Taize boleh lakukan kepada kita. Jawapan kami: kamu boleh lakukan apa yang telah kamu lakukan, tunjukkan kepada kami bagaimana untuk mewujudkan satu kedamaian yang mendalam. Kami memerlukan doa anda dan semua kesan yang telah anda tunjukkan.

⁷ Memahami contoh negara barat yang tidak dipanggil secara langsung untuk membantu member bantuan kemanusiaan kepada Afrika bagi memastikan keadilan kepada benua. Perkara yang sama terjadi kepada negara lain, contohnya Haiti; penduduk Haitian, yang mempunyai maruah dan kepercayaan yang mendalam adalah merupakan salah satu daripada orang yang tidak dilayan dan dikeji dalam sejarah.

⁸ Kerap kali, Paus Benedict XVI menekankan bahawa perhubungan peribadi dengan Tuhan adalah asas kepada iman kita, sebagai contohnya beliau pernah menulis : "Menjadi seorang Kristian adalah bukan disebabkan oleh pilihan mahupun idea murni, tetapi pengalaman dalam menempuhi sesuatu perkara atau bertemu dengan orang lain yang memberikan kita satu perspektif baru dalam hidup ke mana dan apa yang mahu kita capai serta tuju." (Benedict XVI, Deus caritas est, Introduction, no.1)

⁹Keimanan kita perlu sentiasa diasingkan daripada ramalan dan ketakutan, yang kadang-kadang muncul dari gerak hati kita yang masih meragui kepercayaan kita. Cara pemikiran kita dan kebijaksanaan sering membuatkan kita meragui tentang kebenaran. Dengan sebab inilah ramai di antara kita sekarang gagal merujuk kepada tradisi gereja yang telah lama wujud; yang seharusnya dapat membantu dalam memperkukuhkan keimanan kita, penyertaan kita serta keyakinan kita sebagai sesuatu yang tidak boleh diketepikan dan mustahak.

¹⁰ Mengulas tentang (1 Korintus 9:19) " Aku orang bebas dan aku bukan hamba sesiapa pun" Martin Luther telah menuli "Orang Kristian adalah orang yang merdeka, tuan kepada segala benda dan tidak terikat kepada sesiapa. Seorang Kristian adalah penganut yang penuh dengan ketaatan." (Luther, The Freedom of a Christian)

THE CHRIST OF COMMUNION / KESATUAN KRISTUS

Kita semua adalah penziarah iaitu pencari kebenaran mutlak. Mempercayai Kristus tidak bermaksud kita memiliki kebenaran itu, tetapi kita yang membenarkan Kristus untuk membimbing kita ke arah pendedahan kepada kebenaran mutlak itu sendiri.

Apa yang berlaku dan akan sentiasa berlaku adalah bagaimana Yesus membimbing kita dalam jalan yang terang dalam keadaan yang serba sederhana. Walaupun dengan sifat ketuhanan yang dimilikNya Yesus masih lagi mengekalkan ciri kemanusiaanNya.¹¹ Dengan mengekalkan sifat kesederhanaanNya sebagai manusia, Allah Bapa memperbahurui keyakinanNya terhadap manusia dan membolehkan kita mempercayai sesama manusia. Dari situ, kita tidak boleh berputus asa dalam segala perkara dari keadaan semasa mahupun diri kita sendiri.

Dengan menerima sengsara tanpa membalas dengan satu kekasaran pun, Yesus Kristus memperlihatkan kepada kita tentang kasih Allah di tengah-tengah kebencian.¹² Di kayu salib, Yesus tidak melawan serta enggan berserah cuma atas nasib atau takdir. Yesus mencurahkan kasih sayang hingga ke hembusan nafasNya yang terakhir walaupun mengharungi keadaan yang begitu sengsara kerana Yesus percaya akan Tuhan Allah lebih berkuasa daripada syaitan dan kematian adalah bukan penamat. Walaupun kerelaanNya menimbulkan persoalan, tetapi pengorbanan Yesus di atas kayu salib menjadi lambang cinta yang sempurna.¹³

Kemudiannya Yesus bangkit dari kubur. Ini menunjukkan yang Yesus Kristus bukan sahaja di masa lalu tetapi Yesus ada untuk kita hingga ke hari ini. Yesus berhubung dengan kita melalui Roh Kudus, yang mana Roh Kudus membenarkan kita hidup dalam Tuhan Allah sendiri.

Teras keimanan kita adalah kebangkitan Yesus, yang mempunyai perhubungan yang unik dengan semua kita. Dengan mengarahkan fokus kita cuma ke arahNya, membuatkan kita sedar dan mempunyai pemahaman yang mendalam lagi tentang kewujudan kita sebenarnya.

Bila kita merenung ke arah “cahaya” Kristus dalam doa kita, secara langsung ianya akan menerangkan lagi kehidupan kita. (Misteri Kristus menjadi misteri hidup kita sendiri). Perbezaan di kalangan kita dan ketakutan kita tidak mungkin hilang selamanya. Tetapi dengan Roh Kudus, Kristus dapat menghilangkan segala rasa risau atau takut agar cahaya yang diberi menerangkan tempat yang gelap dalam diri kita.¹⁴

Doa yang diucap membimbing kita ke arah Tuhan dan juga kepada seluruh umat di dunia ini.

¹¹ Yesus tidak menyembunyikan kemampuannya. Yesus melakukan banyak mukjizat, terutamanya penyembuhan orang sakit, tetapi dalam pada masa yang sama bilamana Dia mampu memperlihatkan diriNya sebagai Tuhan, Yesus sekali lagi merendahkan dirinya. Adalah amat sukar untuk para rasul-rasulNya menerima Yesus sebagai penyelamat yang miskin. Mereka mungkin terlalu mengharap yang Yesus datang untuk merubahkan keadaan sosial dan politik pada masa itu, tetapi mereka tidak sedar yang Yesus datang dengan tujuan utama mengalahkan Iblis pada akar umbinya.

¹² “Apabila dia dicerna, Dia tidak membalas dengan cercaan. Pada waktu Dia menanggung penderitaan, Dia tidak mengancam orang, tetapi Dia mempercayai diri kepada Allah, Hakim yang adil itu.” 1 Pet 2:23

¹³ Kita seringkali hilang arah bila berdepan dengan masalah dan penderitaan yang tidak dapat terkira. Di masa kesusahan tersebut, persoalan yang selalu muncul di pemikiran kita adalah; di manakah TUHAN? Kita tidak mempunyai jawapan yang khusus kepada persoalan ini, tetapi kita tetap yakin bahawa Yesus Kristus telah bangkit dari kubur dan akan sentiasa bersama dengan kita dalam penderitaan ini.

¹⁴ Berdoa serta melakukan renungan dalam Cahaya Tuhan adalah sama seperti mendengar. Melalui Injil kita telah faham yang Tuhan telah bercakap kepada kita dan kadang-kadang menanyakan soalan kepada kita. Begitu juga Yesus, yang mahukan kita untuk mengasihiNya serta mendengarnya. “Dengarlah! Aku berdiri di depan pintu dan mengetuk.” (Wahyu 3:20)

Dengan mencontohi Maria Magdalena, apabila beliau melihat Yesus telah bangkit, kita juga dipanggil untuk berkongsi akan berita baik ini kepada seluruh dunia.¹⁵

Panggilan terhadap gereja adalah untuk menyatukan seluruh umat manusia, lelaki, wanita mahupun kanak-kanak dari segenap bangsa. Kewujudan gereja adalah sebagai buktinya kebenaran yang Berita Baik. Gereja adalah sebagai tubuh Kristus yang dengan Roh Kudus. Ini membuatkan Perhubungan Kristus memang wujud di antara kita.¹⁶

Gereja tidak pernah penat mendengar rintihan¹⁷, tidak pernah berhenti menyembuh serta sentiasa kekal dalam pendamaian, dengan ini Gereja akan dilihat sebagai satu kesatuan yang penuh dengan cinta kasih, belas kasihan dan menenangkan, iaitu satu refleksi yang jelas kepada Yesus Kristus. Tidak pernah mengasingkan dirinya, tidak akan disangkal serta bebas dari kemusnahan, Gereja dapat menerangkan setiap hati kita manusia.¹⁸

Upcoming stages in the pilgrimage of trust on earth / Peringkat yang akan datang dalam pilgrimage of trust on earth

Bersama dengan sekumpulan pemuda antarabangsa, Brother Alois akan pergi ke Geneva pada hari Jumaat, 2 Mac 2012, untuk melawati Kaunsel Gereja Sedunia.

Pertemuan pemuda antarabangsa yang ketiga di Africa akan diadakan di Kigali, Rwanda, dari 14-18 November 2012.

Pertemuan pemuda Eropah yang ke-35 akan mengambil tempat dari 28 Disember 2012 sehingga 2 Januari 2013. Tempat pertemuan akan diumumkan di Berlin.

Bersama dengan brothers dan juga pemuda dari benua yang berlainan, Brother Alois akan pergi ke Istanbul pada 4-6 Januari 2013, untuk meraikan Perayaan Epiphany bersama dengan Tahkta Kepatriarkhan Apostolik Utama Constantinople, Bartholomew I, dan juga Kristian dari Bandar tersebut.

Utusan yang diterima untuk pertemuan Berlin: layari www.taize.fr

TRYING TO BE “SALT OF THE EARTH” / MENJADI GARAM DUNIA

Yesus Kristus tidak datang ke dunia untuk memecah-belahkan umat Kristian ataupun menjadikan Kristian sebuah persatuan yang menyisihkan diri mereka daripada masyarakat yang lain; tetapi Yesus mahu pengikutnya untuk melayani semua manusia dan membangkitkan keyakinan sesama manusia serta keamanan.¹⁹

¹⁵ Rujuk Yoh 20:11-18

¹⁶ Kesatuan Yesus adalah ilham Brother Roger. Ianya mempunyai persamaan dengan pendapat theologian dari Berlin bernama Dietrich Bonhoeffer (yang ketika itu berumur 21 tahun) yang mengatakan “Kristus wujud sebagai berk komuniti.” Beliau menulis; “Yesus turun ke dunia sebagai manusia telah menyatukan kita dengan Tuhan.” (Bonhoeffer, *Sanctio Communionis*)

¹⁷ Dalam gereja, sepatutnya sekumpulan pelayan gereja harus dipraktikan untuk mendengar. Pelayan-pelayan tersebut terdiri daripada golongan lelaki mahupun wanita yang dapat meluangkan masa mereka untuk tugas tersebut. Mereka ini boleh membantu melakukan sesi mendengar ini sebagaimana dilakukan oleh golongan Paderi.

¹⁸ Brother Roger, *Peace of Heart in All Things*.

¹⁹ Walaupun tindakan ini bertentangan dengan dasar golongan masyarakat yang telah hilang sifat/nilai kemanusiaan, adalah penting untuk menekankan secara penuh hormat serta rendah diri diikuti dengan perbincangan yang membina di antara masyarakat dari pelbagai lapisan budaya di dunia ini serta untuk setiap peredaran zaman. “Serbuk penai hanya akan berfungsi bila ianya digaul sehati bersama doh sehingga ianya tidak dapat dibezakan lagi.” (St. John Chrysostom, *Homily 46 tentang Matius*).

Perhubungan di kalangan umat Kristian itu sendiri tidak seharusnya dilihat sebagai kemusnahan dalam Kristian itu sendiri tetapi ianya adalah sebagai satu tanda yang kita harus lihat di kalangan manusia sejagat' "Kamu bagaikan garam dunia".²⁰

Dengan wafat di kayu salib serta kebangkitanNya, Yesus sendiri telah mengasaskan satu perpaduan di kalangan kita. Dalam nama Yesus sendiri, perbezaan di kalangan manusia yang suka hidup berpuak-puak sudah tidak wujud lagi, tetapi bagi Yesus kita adalah satu keluarga.²¹ Untuk bersatu dengan Tuhan, kita perlu mewujudkan kedamaian di kalangan manusia sejagat.²²

Tetapi jika garam sudah menjadi tawar, kita haru merujuk kepada kegagalan kita memahami mesej Yesus Kristus dengan jelas. Secara khususnya, apakah kita mampu mencapai keamanan ini sekiranya kita masih kekal berpecah-belah?

Kita sekarang berada dalam tahap di mana pengertian tentang erti cinta kasih dan keamanan harus disemarakkan. Adakah kita mampu mencapai keamanan dan mengamalkan cinta kasih dengan cara kesederhanaan yang tulen, tanpa rasa ragu-ragu serta bebas dari salah faham?

Bolehkah kita, tanpa menghiraukan perbezaan agama, berjalan seiringan antara satu sama lain dengan mereka yang bersungguh-sungguh ingin mengetahui kebenaran yang mutlak?²³

Dalam kita membentuk perpaduan yang baru ini dan membuka jalan kepada sifat saling mempercayai antara satu sama lain, kita akan sentiasa menempuhi pelbagai jenis rintangan. Kini, rintangan-rintangan tersebut semakin menjadi-jadi. Apakah tanggungjawab kita? Bukankah kita yang seharusnya menunjukkan nilai-nilai cinta kasih dengan lebih lagi sebagai respon kepada rintangan tersebut?

In 2015: Gathering for a New Solidarity / Dalam tahun 2015: Perhimpunan untuk Satu Perpaduan yang Baru

Dalam jangka masa tiga setengah tahun yang akan datang, "pilgrimage of trust on earth" akan mencari cara untuk mempraktikkan tema surat ini untuk perpaduan yang baru.

Perpaduan baru yang dapat membawa bersama semua penziarah keamanan, penziarah kebenaran, samada penganut atau bukan penganut.

Tiga setengah tahun yang membenarkan pemuda dari setiap benua menggerakkan tenaga mereka untuk mengumpul bersama hasrat, perasaan hati, dan pengalaman mereka.

2012: Membuka jalan kepercayaan sesama manusia

2013: Mendedahkan telaga kepercayaan terhadap Tuhan

²⁰ Matius 5:13

²¹ "Apabila Aku ditinggikan di atas bumi, Aku akan memimpin semua orang kepada Ku." (Yoh 12:32) "Dalam hal ini tidak ada lagi perbezaan antara orang Yahudi dengan orang bukan Yahudi, antara abdi dan bebas, antara lelaki dengan perempuan. Kamu selamanya menjadi satu kerana Yesus Kristus." (Gal 3:28)

²² Yesus membawa kedamaian dan telah merobohkan benteng/tembok yang memisahkan golongan orang Yahudi dengan yang lain; semua orang memiliki akses kepada Tuhan Allah. Perpaduan/Kesatuan dengan Tuhan Allah tidak dimiliki oleh sesetengah pihak sahaja, tetapi semua tanpa mengira batas.

²³ Sebagai contoh kita boleh berkongsi soalan-soalan seperti berikut; Apakah erti kehidupan ini? Kemanakah arah tuju kehidupan kita? Apakah arah yang menyatukan kita kepada kesatuan ini?

2014: Mencari kesatuan yang nyata sesama semua yang mencintai Kristus

2015: Menjadi “garam dunia”

Dan, menggulung pencarian ini dan juga memperoleh momentum baru,

Di Taizé,

Perhimpunan untuk satu Perpaduan yang Baru

Ulang Tahun Komuniti Taizé yang ke-75

Hari Jadi Brother Roger yang ke-100

Supaya sebanyak pemuda yang mungkin dapat didengari, perhimpunan ini akan disediakan menerusi pertemuan untuk setiap benua.